



Kalau Pegganas Masih Ada

Abdul Rahman Abdul Majid, Matang Kunda, Bagan

Datoh, Perak, bertanya: Sekiranya peganas masih ada lagi di Persekutuan Tanah Melayu maka adakah ia menjadi halangan untuk mencapai kemerdekaan?

Jawab: Kemerdekaan akan tercapai sekalipun peganas-peganas itu masih menjalankan keganasannya. Tetapi kemerdekaan itu lancar sekiranya di dalam negeri itu tidak ada kekacauan-kekacauan yang menyebabkan tiap-tiap usaha dan tenaga dapat ditumpukan semata-mata kerana pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

* * *

Sepejabat dengan Wanita

Muhammad bin Taib, Jalan Merbau Kota Baharu, Kelantan

bertanya: "Di pejabat saya ada seorang kerani perempuan.

Mengikut segi Islam perempuan yang ajnabi pada lain daripada muka dan dua tangan itu haram. Saya juga mendengar kepadanya dan bercakap-cakap dari hal pekerjaan pejabat. Sebab itu saya minta tuan berikan sedikit nasihat tentang pergaulan saya di dalam pejabat itu mudah-mudahan tidak kena kemurkaan Tuhan.

Jawab: Nampaknya saudara sendiri mengetahui sempadan-sempadan yang ditetapkan oleh agama tentang berhadapan dengan perempuan yang bukan mahramnya. Dengan itu dengan pengetahuan tuan itu maka adalah menjadi kewajipan bagai saudara mencari jalan dengan seberapa boleh

menjauhkan perkara-perkara yang boleh melanggar tegahan-tegahan agama. Sebab daripada tegahan-tegahan itu terang kebanyakan perkara yang terbit daripada pergaulan itu banyak fitnah. Jika keadaan terpaksa maka hendaklah saudara beringat-ingat dan berkawal diri dan sedapat mungkin menjauhkan diri daripadanya. Kami katakan begitu kerana lazim pula di pejabat apabila ada wanita maka kurang-kurang perkara kerja yang dicakapkan perkara lain pula dicari supaya dapat dapat bercakap dengannya.

* * *

Membabit Hasan Bandung dan Hamka???

Suhaidi H. Yaaqub, Kedai Syarikat, Labuan

bertanya: Baharu-baharu ini telah berlaku pertelingkahan di antara orang-orang Islam dan Ansari (seorang pemimpin Ahmadiyah) berkenaan Nabi Allah Isa 'alayhi al-Salām. Ansari berkata Nabi Isa 'alayhi al-Salām wafat juga bukan sahaja golongan kami Ahmadiyah bahkan Hasan Bandung (Hasan bin Ahmad) dan Hamka juga telah berpendapat demikian. Dengan ini saya memohon pertolongan tuan untuk memberi kupasan tentang pendapat Hasan Bandung dan Hamka dan pendapat Ahli Sunnah Wa al-Jamaah berkenaan dengan Nabi Isa 'alayhi al-Salām itu.

Jawab: Sepanjang perbincangan-perbincangan yang kami ketahui dari semenjak perang dahulu orang-orang Ahmadiyah selalu mengatakan Nabi Allah Isa itu mati.

Berkenaan dengan Hamka, kita sendiri tidak mengetahui tetapi berkenaan dengan pendirian Kiyai Hasan Bandung kita dapat memperhatikan dengan jelas di dalam sebuah buku perdebatan (Perbincangan) yang diterbitkan Oleh Persatuan Islam Bandung pada tahun 1932 dengan jelas menerangkan dengan jelas hujah yang nyata, beliau berpendapat bahawa Nabi Isa tidak mati. Kita berani membohongkan pengakuan